



**LEMBAGA JURUUKUR TANAH  
MALAYSIA**  
(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT SULIT 60.1 / (67)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

4 Ogos 2025  
9 Safar 1447H

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

**TAWARAN MENGIKUTI KURSUS UKUR KERJA-KERJA KEJURUTERAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan Peperiksaan Bahagian I untuk orang berartikel yang masih dalam tempoh berartikel bagi kursus Ukur Kerja-Kerja Kejuruteraan pada **2 hingga 30 September 2025** bertempat di LJT dan Taman Melawati untuk kerja lapangan.

2. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di borang *Google form* <https://forms.gle/ZUcomkTXD7CcNjk26>, mulai **5 Ogos 2025** dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan pada **12 Ogos 2025**. Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan dipertimbangkan manakala permohonan yang lewat dan tidak teratur akan ditolak.

3. Calon yang berjaya akan dikenakan bayaran kursus sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu sahaja (RM 3,000.00). Namun, jumlah bayaran kursus muktamad hanya akan dimaklumkan kepada calon semasa menerima tawaran daripada LJT.

4. Sebarang kos makan, penginapan dan perjalanan bagi menghadiri kursus ini adalah di bawah tanggungan sendiri. Untuk makluman juga, tiada peralatan ukur disediakan oleh pengendali kursus. Oleh itu, peserta dikehendaki menyediakan perkara berikut:

- i. Komputer riba yang telah dipasang
  - a. Perisian *Computer-Aided Design* (CAD)
  - b. Perisian pemprosesan data Stadia (*Civil Design and Survey – CDS*)
- ii. 2 Set peralatan ukur

- a. Set *Total Station*
- b. Set *Auto Level*
- iii. Buku kerja luar
  - a. Terabas
  - b. Ukur Aras

5. Semua Jurukur Tanah Berlesen boleh memaklumkan kepada orang berartikel masing-masing bagi penawaran kursus ini. Hanya calon yang berjaya sahaja akan ditawarkan surat dan dihubungi oleh pihak LJT. Calon yang tidak dihubungi selepas dua (2) minggu daripada tarikh tutup tawaran kursus dianggap **tidak berjaya** dan surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh pihak LJT.

Sekian, terima kasih.


**'MALAYSIA MADANI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)  
Setiausaha Lembaga  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia



Pautan Pendaftaran Kursus Ukur Kerja-Kerja Kejuruteraan